

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HSI 241 - Sejarah Awal Islam

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN [8] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bincangkan konsep Negara Islam dan nilai akan corak kepimpinan yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w.
2. "Al-Riddah, walaupun mencabar, merupakan satu peristiwa yang membuktikan tentang mutu kepimpinan Khalifah Abu Bakar". Setujukah anda?
3. Siapakah yang digelar Mawali dan bagaimanakah kedudukan mereka pada zaman Bani Umayyah?
4. Nilaikan kedudukan Mu'awiyah I berdasarkan perubahan-perubahan yang dibuat olehnya berbanding dengan Khulafa' al-Rasyidin.
5. Keluarga Barmaki telah memberi sumbangan yang besar terhadap kemajuan yang berlaku pada zaman awal pemerintahan Abbasiyah. Tetapi, akhirnya pengaruh keluarga ini telah dihapuskan oleh Khalifah Harun al-Rasyid. Mengapa?
6. Dalam tamadun Islam, ilmu pengetahuan terbahagi kepada aspek-aspek tertentu. Bincangkan tentang hirarki ilmu itu dan nyatakan mengapa ilmu pengetahuan dapat berkembang dengan maju pada zaman keagungan Dinasti Abbasiyah.

7. Salahuddin al-Ayyubi dikagumi oleh pihak Timur mahupun Barat. Mengapa?
  
8. Umat Islam telah berjaya menyebarkan tamadun mereka ke negara-negara Eropah melalui beberapa saluran yang tertentu. Uelaskan bagaimana penyebaran-penyebaran itu berlaku dan apakah kesan-kesannya terhadap orang-orang Barat pada zaman awal itu?

-ooo000ooo-